

Dr. M gembira Australia mahu jalin hubungan mesra dengan PM

um - 8/4/2005: 2

KUALA LUMPUR 7 April — Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata beliau gembira kerana para pemimpin Australia ingin menjalin hubungan mesra dengan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan menyifatkan langkah itu sebagai sesuatu yang baik.

“Saya telah membaca kenyataan Menteri Luar (Datuk Seri Syed Hamid Albar) pagi tadi yang berkata kita patut menjalin hubungan persahabatan dengan Australia,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung tahunan Dewan Perniagaan Melayu Cawangan Kuala Lumpur di sini hari ini.

Bekas Perdana Menteri itu berkata demikian apabila diminta mengulas tentang lawatan rasmi tiga hari Abdullah ke Australia bermula semalam — yang pertama oleh pemimpin Malaysia sejak 21 tahun.

Syed Hamid, yang turut mengiringi Abdullah, berkata di Canberra semalam bahawa lawatan Perdana Menteri itu akan membuka peluang bagi pemimpin kedua-dua negara untuk berbilang secara berterus terang mengenai semua isu kepentingan bersama dalam usaha mewujudkan persefahaman dan kerjasama yang lebih bermakna antara Malaysia dan Australia.

Dr. Mahathir berkata bahawa semasa menjadi Perdana Menteri, beliau



DR. MAHATHIR

ingin menjalin hubungan baik dengan para pemimpin Australia tetapi mereka tidak bersikap mesra terhadap beliau.

“Oleh kerana kini kita ingin mewujudkan jalinan mesra, mungkin kita patut mengucapkan syabas mengenainya,” kata Dr. Mahathir yang menyerahkan jawatan Perdana Menteri kepada Abdullah pada 31 Oktober 2003.

Bagaimanapun, katanya, hubungan mesra yang terjalin antara kedua-dua negara tidak semestinya bererti pendapat Malaysia tentang isu tertentu patut diubah.

“Kita boleh menjalin hubungan mesra dengan Australia, tapi ia tidak bererti pandangan kita tentang isu tertentu perlu diubah,” katanya. — Bernama